

## **Faktor-Faktor Penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan: Analisis Ucapan Dasar Muktamar PAS 2003-2012**

***United States Involvement Factors in Iraq and Afghanistan: An Analysis on Pas Annual Conference Keynote Speech 2003-2012***

**Muhammad Afifi Abdul Hamid<sup>1</sup>, Mohamad Zaidi Abdul Rahman<sup>2</sup>  
& Raja Hisyamudin Raja Sulong<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Department of Siasah Syariyyah , Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: Alfaqir\_afifi@yahoo.com

<sup>2</sup> Department of Siasah Syariyyah, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: mzaidi@um.edu.my

<sup>3</sup> Department of Siasah Syariyyah, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: r\_hisyamudin@um.edu.my

### **ABSTRAK**

Amerika Syarikat merupakan sebuah negara kuasa besar dunia dalam pelbagai aspek meliputi ekonomi, ketenteraan dan lain-lain. Keupayaan yang dimiliki menyebabkan negara ini cenderung untuk terlibat dalam geopolitik di beberapa negara di dunia. Iraq dan Afghanistan antara negara yang menyaksikan penglibatan Amerika Syarikat secara langsung dalam geopolitik negaranya. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor penglibatan Amerika Syarikat dalam geopolitik Iraq dan Afghanistan pasca peristiwa pengeboman 11 September 2001. Faktor-faktor ini akan dikenalpasti dan dianalisis berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar Tahunan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dari tahun 2003 sehingga tahun 2012. Terdapat dua kaedah utama bagi kajian ini iaitu kaedah pengumpulan data dan anasis data. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi bagi mendapatkan bahan, maklumat dan data yang berkaitan. Manakala bagi analisis data, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan. Kesimpulannya, dapatan kajian mengesahkan faktor-faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS tahun 2003-2012 adalah signifikan dengan kajian-kajian yang dilakukan sarjana-sarjana lain dan berdasarkan data-data yang dikemukakan. Faktor-faktor tersebut merangkumi dua faktor utama iaitu imperialisme dan polisi luar. Bagi polisi luar, terdapat tiga faktor iaitu kepentingan Israel, sumber minyak dan memerangi Pengganas.

**Kata Kunci:** Imperialisme; Kepentingan Israel; Petroleum; Memerangi Pengganas; Polisi Luar

## ***ABSTRACT***

*In many aspects, including economy, military and more, the United States is a world power. Its skills tend to become entangled in geopolitics in several places worldwide. Iraq and Afghanistan are the two countries where the US has been directly involved in geopolitics. After the terrorist attacks of September 11, 2001, this article intended to discuss the elements that influenced US participation in the geopolitics of Iraq and Afghanistan. From 2003 to 2012, the determinants will be examined based on keynote speeches given at the Malaysian Islamic Party (PAS) Annual assembly. Data collection and data analysis are the two main methods that were used. In this study, documentation approaches were used to obtain any relevant data. The content analysis was utilised to analyse the data. The conclusions of the study, based on the PAS Annual General Conference Policy Speech 2003-2012, prove the determinants of United States involvement in Iraq and Afghanistan are noteworthy compared to studies conducted by other scholars and based on data supplied by the researchers. Imperialism and foreign policy are two most important aspects. There are three variables that influence Israeli foreign policy which are: Israeli interests, oil resources and the war against terrorism.*

**Keywords:** *Imperialism; Israel's Interests; Petroleum; War on Terror; Foreign Policy*

---

## **1. Pendahuluan**

Pada tanggal 11 September 2001, dunia dikejutkan dengan rampasan pesawat komersial Amerika Syarikat oleh kumpulan pengganas dan peristiwa perlanggaran serta pengeboman bangunan Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York, Amerika Syarikat. Siri serangan pengganas tersebut kemudiannya melanggar bangunan Pentagon di Washington sehingga menyebabkan kematian seorang General Angkatan Tentera Darat Amerika Syarikat selain ribuan orang awam. Pasca peristiwa pengeboman ini menjadi titik hitam bagi umat dan negara-negara Islam kerana bermulanya episod pandangan mencurigakan oleh komuniti antarabangsa dan Barat khususnya sehingga mencetuskan fenomena *Islamophobia*.

Walaupun secara zahirnya Amerika Syarikat menyatakan penglibatan mereka di beberapa negara Islam pasca pengeboman 11 September 2001 adalah bertujuan untuk memerangi pengganas, namun sebahagian pihak meragui dakwaan tersebut. Mengambil contoh, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) daripada Malaysia antara pihak yang mempertikaikan faktor penglibatan Amerika Syarikat di beberapa negara Islam adalah semata-mata bertujuan untuk memerangi pengganas. Maka kajian pada kali ini akan meneliti faktor-faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan berdasarkan perspektif PAS melalui ucapan dasar muktamar tahunannya dari tahun 2003 hingga tahun 2012.

## 2. Sorotan Kajian-Kajian Terdahulu

Bagi kajian terkait Ucapan Dasar Muktamar PAS, pengkaji tidak menemui sebarang kajian yang pernah dilakukan maka ia merupakan kelompongan terbesar yang menyokong kajian ini. Bagi faktor-faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan pengkaji terdahulu. Antara kajian tersebut ialah yang dihasilkan oleh Nayna J. Jhaveri (2004) bertajuk *Petroimperialism: U.S Oil Interest and the Iraq War*, Schwartz, M. (2008) *War Without End: The Iraq War in Context*, Schmidt, B. C. dan Williams M. C. (2008) *The Bush Doctrine and the Iraq War: Neoconservatives Versus Realists* dan Record, R. (2008) *Why the Bush Administration Invaded Iraq: Making Strategy After 9 11*.

Persamaan tema yang diangkat bagi kajian-kajian ini adalah mencari faktor bagi penglibatan Amerika Syarikat di Iraq. Manakala di Afghanistan, tema yang sama turut diketengahkan oleh Farrell, T. dan Giustozzi, A. (2013) *The Taliban at war: inside the Helmand insurgency 2004-2012* dan Foxley, T. (2010) *Countering Taliban Information Operations in afghanistan* dalam meneliti punca-punya operasi ketenteraan Amerika Syarikat di negara ini.

Di Malaysia, PAS antara parti politik yang konsisten dalam membawa isu penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan dan dunia Islam umumnya melalui Ucapan Dasar Muktamar Tahunan parti tersebut. Daripada beberapa sorotan kajian terdahulu yang dilakukan, pengkaji mendapati kelompongan terbesar adalah belum terdapat penulisan ataupun kajian secara ilmiah berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS mengenai faktor-faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan. Kajian ini akan mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti kebenaran setiap dakwaan yang dikemukakan PAS terkait faktor-faktor penglibatan melalui Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS dengan cara membandingkannya bersama dengan data-data rasmi dari sumber-sumber yang diiktiraf selain kajian-kajian oleh sarjana lainnya.

## 3. Metodologi Kajian

Kajian ini mempraktikkan pendekatan kaedah kualitatif berdasarkan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan pendekatan proses dokumentasi serta kajian perpustakaan bagi mendapatkan data-data primer dan sekunder berbentuk dokumen rasmi, buku, kertas kajian ilmiah dan lain-lain. Selepas selesai proses pertama daripada kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data-data yang diperolehi dan diterjemahkan dapatan-dapatan tersebut dalam kajian pada kali ini. Faktor-faktor yang dinyatakan PAS ini turut dibandingkan pengkaji dengan data-data rasmi daripada sumber-sumber lain

selain kajian-kajian terkait oleh beberapa pengkaji Barat. Pengkaji turut mempersembahkan data-data dan dapatan-dapatan tersebut dalam bentuk jadual, carta dan gambar rajah.

#### 4. Perbincangan

##### 4.1. Faktor-Faktor Penglibatan Amerika Syarikat di Iraq Dan Afghanistan

Sebagaimana yang dinyatakan pengkaji di bahagian pendahuluan, PAS melalui ucapan dasar muktamar tahunan antara tahun 2003 sehingga tahun 2012 secara konsisten menyatakan penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan adalah kerana didasari dua faktor utama iaitu imperialisme dan polisi luar. Bagi polisi luar, terdapat tiga faktor iaitu kepentingan Israel, sumber minyak dan memerangi pengganas. Rajah 1 meringkaskan faktor-faktor tersebut:

Rajah 1: Faktor-Faktor Penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan



###### 4.1.1. Imperialisme

Imperialisme merupakan terma bagi sesebuah negara memperluaskan penguasaan mereka atau mengawal sesebuah negara lain dan terkadang ia berhajat kepada menggunakan paksaan bagi menjayakan matlamat tersebut (Cambridge University Press, 2021). Dalam Ucapan Muktamar Tahunan PAS, imperialisme antara perkara yang sering diangkat Presiden PAS, Abdul Hadi Awang sebagai faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan. Menurut Hadi, penglibatan Amerika Syarikat di Iraq adalah bertujuan untuk meneruskan hegemoni atau penguasaan ke atas negara-negara umat Islam. Kesungguhan ini dizahirkan melalui tindakan Amerika Syarikat yang menyerang Iraq di bawah pimpinan Saddam Hussein dengan mengatur pakatan ketenteraan pada 20 Mac 2003 (Cooper, C. & Catchpole, L., 2009).

Idea penguasaan Amerika Syarikat ke atas negara-negara umat Islam oleh PAS ini bukanlah suatu yang baru diperkenalkan. Ali Mansur antara sarjana Islam yang membincangkan perkara tersebut. Mengambil contoh, ketika pakatan Turki Uthmaniyyah dan Jerman mengalami kekalahan dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914-1918, negara-negara umat Islam di

bawah kekuasaan Turki Uthmaniyyah dibahagi-bahagikan antara pakatan Inggeris dan Perancis hasil kemenangan yang mereka capai. Pembahagian ini adalah berdasarkan beberapa siri perjanjian sulit antara kedua-dua negara tersebut. Memetik kenyataan Ali Mansur:

*“Telah kita katakan bahawa Pihak Berikat, terutamanya Britain telah tidak memenuhi janji-janji yang mereka berikan kepada negara-negara Arab sewaktu Perang Dunia Pertama. Britain tidak memberangkan kemerdekaan negara-negara Arab itu, bahkan sebaliknya Inggeris menganggap negara-negara berkenaan sebagai rampasan perang yang diperolehi daripada negara-negara besar yang dikalahkan” (Mansur, A. A., 1994).*

Negara-negara umat Islam yang terdapat di bawah pemerintahan Turki Uthmaniyyah dibahagi-bahagi oleh Britain dan Perancis melalui perjanjian antara kedua-dua negara tersebut. Kedua-dua kuasa besar ini turut mengingkari janji yang pernah dilakukan kepada beberapa pemimpin Arab yang belot kepada pemimpin Turki Uthmaniyyah. Pemberontakan Arab ataupun *Arab Revolt* ini dimulakan oleh Syarif Husain bin Ali pada tahun 1916-1918 bertujuan untuk mendapatkan kemerdekaan negara Arab meliputi wilayah Aleppo (Syria) sehingga Yaman daripada Turki Uthmaniyyah. Pemimpin Arab ini pernah ditawarkan kemerdekaan negara jika mereka memihak kepada Pihak Berikat dalam Perang Dunia Pertama (McMeekin, S., 2012)

Selepas mencapai kemenangan, Britain dan Perancis membuat perjanjian yang membahagi-bahagikan negara-negara Arab di bawah naungan masing-masing. Tindakan tersebut bertujuan untuk meneruskan hegemoni kedua-dua kuasa besar tersebut ke atas negara-negara umat Islam. Mengambil contoh, Mesir, Palestin dan Iraq diletakkan di bawah penguasaan Britain manakala Syria diletakkan di bawah cengkaman Perancis. Pembahagian wilayah-wilayah Islam ini dilakukan Britain dan Perancis dengan cara legitimasi melalui terma mandat dan bukannya penaklukan mahupun penjajahan (McMeekin, S., 2012, 288). Terma naungan ataupun mandat hanyalah bertujuan untuk mengaburi mata penduduk tempatan di negara-negara kecil tersebut (Mansur, A. A., 1994).

Tujuan naungan dan mandat ini tidak lain tidak bukan hanyalah bertujuan untuk meneruskan pengaruh kekuasaan dan hegemoni ke atas negara-negara umat Islam dan dalam konteks ini, Iraq dan Afghanistan menjadi mangsa kepada Amerika Syarikat (Mansur, A. A., 1994). Selain itu, tujuan imperialism Amerika Syarikat terhadap kedua-dua negara tersebut bagi membuktikan mereka merupakan sebuah negara besar dan mempunyai kuasa terunggul di dunia (McMeekin, S., 2012). Kebanggaan ini terserlah selepas pengunduran Soviet Union di Afghanistan, dengan serta merta Amerika Syarikat menguasai negara tersebut bagi menggantikan kekuasaan

sebelumnya. Penguasaan ini bertujuan untuk mengembangkan doktrin *Pax Americana* bagi menjadikan Amerika Syarikat sebuah negara kuasa besar dunia yang tidak mampu dicabar oleh negara-negara besar lainnya. *Pax Americana* merupakan sebutan Latin yang bererti keamanan Amerika dan ianya digagaskan selepas daripada tamatnya Perang Dunia Kedua pada 1945. Melalui doktrin ini, Amerika Syarikat berhasrat untuk menjadi kuasa dominan bagi aspek ketenteraan dan ekonomi dunia mengatasi negara-negara besar yang lain (Schwarz, B., 1996).

Idea imperialisme dan *Pax Americana* yang diangkat oleh PAS sebagai salah satu faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan ini bukanlah satu gagasan pemikiran yang baharu tetapi hanya mengulangi idea yang pernah ditonjolkan oleh pengkaji lain seperti David Graham (2005). Dalam kajiannya, David Graham membincangkan tentang doktrin *Pax Americana* yang dianuti oleh pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat yang menjadi salah satu teras dalam menggubal dasar luar negaranya. Menurut Graham lagi, doktrin ini menyebabkan negara tersebut sedaya-upaya berusaha untuk mengekalkan dominasi di seluruh dunia. Dominasi tersebut adalah dengan cara melancarkan perang terhadap sesau negara mengambil contoh di Iraq dan Afghanistan. Dominasi Amerika Syarikat sebagai kuasa dunia memberikan manfaat besar kepada sektor politik dan ekonomi negara tersebut (Graham, D., 2005).

Operasi ketenteraan yang dijalankan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan merupakan cerminan kepada dasar perluasan kuasa atau imperialisme negara tersebut terhadap negara umat Islam (Chwastiak dan Young, 2003). Dalam kerangka yang lebih luas, imperialisme melalui operasi ketenteraan di Iraq dan Afghanistan juga bertujuan untuk mempamerkan keupayaan dan kekuatan yang dimiliki Amerika Syarikat kepada masyarakat dunia khususnya pesaing negara tersebut seperti China, Eropah, Jepun dan lain-lain. Keupayaan dan kemampuan tersebut menjadi penanda aras bagi kelebihan hegemoni yang dimiliki Amerika Syarikat dalam memimpin dunia (Bromley & Neale, 2004).

#### **4.1.2. Polisi Luar Amerika Syarikat**

Operasi ketenteraan yang dijalankan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan adalah disebabkan polisi-polisi ataupun dasar luar yang dirangka dan digubal dengan mengambil kira beberapa kepentingan negara tersebut. Kenyataan ini adalah berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar PAS pada tahun 2003, 2004, 2005, 2006, 2008, 2009 dan 2012. Perincian tahun akan dijelaskan kemudian oleh pengkaji. Berikut merupakan kepentingan negara ataupun *national interest* yang menjadi dasar dalam menggubal polisi luar Amerika Syarikat menurut PAS seterusnya menjadi faktor-faktor bagi penglibatan negara tersebut di Iraq dan Afghanistan.

### i. *Kepentingan Israel*

Selepas Britain, Amerika Syarikat merupakan antara kuasa besar dunia yang menjadi pendokong kuat kepada bangsa Yahudi di Israel khususnya. Ahli tertinggi Pasukan Penyiasat Rumah Putih pada 29 Mac 2004 pernah mendedahkan tujuan Amerika Syarikat melalui Washington menyerang Iraq adalah untuk melindungi kepentingan negara sekutu kuatnya iaitu Israel. Penasihat Presiden Amerika Syarikat, Philip Zelikow memberi cadangan kepada Presiden George Walker Bush dan pentadbirannya untuk menyerang Iraq pimpinan Saddam Hussein kerana negara tersebut menjadi ancaman bagi Israel di Timur Tengah (Mekay, E., 2004). Memetik kenyataan Zelikow di Virginia Universiti pada 20 September 2002:

*"The administration, which is surrounded by staunch pro-Israel, neo-conservative hawks, is currently fighting an extensive campaign to ward off accusations that it derailed the "war on terrorism" it launched after 9/11 by taking a detour to Iraq, which appears to have posed no direct threat to the United States. Israel is Washington's biggest ally in the Middle East, receiving annual direct aid of three to four billion dollars."* (Mekay, E., 2004).

Tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq adalah kerana Israel merupakan sekutu kuat bagi negara tersebut di Timur Tengah. Umum mengetahui pentadbiran Amerika Syarikat yang dikelilingi oleh penyokong pro-Israel dikenali sebagai gerakan *Neoconservative*. *Neoconservative* merupakan satu gerakan politik yang lahir di Amerika Syarikat sekitar tahun 1960 dalam kalangan pejuang-pejuang kebebasan di sana. Kumpulan ini memperjuang dan mempromosikan demokrasi serta penglibatan dalam hubungan antarabangsa selain idea mewujudkan keamanan melalui kekerasan khususnya berdasarkan aspek ketenteraan. *Neoconservative* semakin mendapat tempat dalam pentadbiran Amerika Syarikat pada tahun 1970, 1980, 1990 dan 2000. Kumpulan ini sentiasa menjadi pelobi utama seseorang bakal Presiden Amerika Syarikat dan Bush tidak terkecuali apabila kepimpinannya dikelilingi ahli-ahli kumpulan tersebut bagi menjamin kepentingan negara Israel sentiasa terpelihara (Mcglinchey, S., 2009).

Sebahagian sarjana seperti Benjamin Schreier (2015) turut menamakan kumpulan *Neoconservative* ini sebagai *The New York Intellectuals*. Panggilan tersebut kerana sebahagian besar ahli kumpulan ini merupakan kalangan intelektual atau sarjana yang berasa dari New York. Selain itu, kumpulan *Neoconservative* ini juga menjadikan New York sebagai pusat pengumpulan ahli-ahli *American writers* sekitar abad ke-20 dan kebanyakannya ahli bagi kumpulan ini adalah terdiri daripada kaum Yahudi (Schreier, B., 2015). Antara ahli kumpulan ini yang terkenal sebagai pelobi

Presiden Bush ialah Wald, Elliott Abrams, Terry Cooney dan Harvey Teres. Pegawai kanan Bush sendiri iaitu Dick Cheney dan Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld walaupun tidak dapat dipastikan menjadi ahli *Neoconservative* namun kedua-dua mereka sering menjadikan kumpulan ini sebagai rujukan dalam membuat polisi-polisi luar Amerika Syarikat terutamanya membabitkan isu keselamatan dan kepentingan negara Israel. Kumpulan ini menjadi penggerak utama dalam mempromosikan serta merancang misi ketenteraan di Iraq pada tahun 2003 (Schreier, B., 2015).

Bagi menguatkan lagi bukti keterlibatan *Neoconservatives* dalam pentadbiran Amerika Syarikat, Profesor Mackubin Thomas Owens memuatkan hasil sebuah persidangan yang dihadiri Bush dalam kajian ilmiahnya. Menurut Mackubin: “*The Bush Doctrine represents the exploitation of the 9/11 terrorist attacks, by a small group of ideologues the “neoconservatives” to gain control of national policy and lead the United States into the war in Iraq*”. Kumpulan ini sentiasa menjadi aktor utama dalam setiap perkara yang melibatkan polisi Amerika Syarikat terutamanya yang membabitkan kepentingan Israel (Owens, M. T., 2009).


Kerana itu walaupun Israel dikelilingi oleh negara-negara Arab di Timur Tengah namun negara tersebut tetap kekal aman sehingga kini dan hanya terkadang serangan-serangan berskala kecil dilancarkan pejuang Hamas (Meir, A., 2008). Keamanan negara Israel sehingga pada hari ini adalah kerana dilindungi pemerintahan Amerika Syarikat yang menjadi sekutu kuat mereka sejak dahulu sebagaimana mereka dan negara-negara Barat yang menjadi pendokong kuat bagi penubuhan negara tersebut di tanah milik rakyat Palestin. Ali Ali Mansur dalam bukunya berkata:

“Negara-negara tersebut bukan sahaja tidak menepati janjinya terhadap negara-negara Arab, malah mandat Inggeris ke atas Palestin telah digunakan untuk memenuhi janji Inggeris kepada umat Yahudi bagi mewujudkan sebuah negara bagi mereka. Perjanjian yang dikenali dengan Perjanjian Balfour ini telah menetapkan untuk mewujudkan satu tanah air Yahudi di Palestin. Penipuan itu kemudian telah terbongkar apabila Inggeris menghapuskan mandatnya ke atas negeri itu sesudahnya, sebelum itu ia telah membuka peluang yang seluas-luasnya bagi perpindahan kaum Yahudi ke sana dengan memerangi orang-orang Arab dan mewujudkan sebuah negara Israel.” (Mansur, A. A., 1994).

Kejayaan tertegaknya penubuhan negara Israel di Timur Tengah atau Palestin khususnya hasil daripada siri perjanjian sulit dengan dokongan kuat oleh Britain, Amerika Syarikat dan lain-lain (Mansur, A. A., 1994). Sehingga kini, Amerika Syarikat menjadi sekutu kuat bagi negara tersebut dan ianya diterjemahkan dengan bantuan tahunan melibatkan jumlah yang besar melalui kementerian luar negara tersebut. Berikut merupakan jumlah bantuan

yang disalurkan Amerika Syarikat kepada Israel pada tahun 2018 dalam sektor ekonomi, ketenteraan dan bantuan luar:

Rajah 2: Jumlah Bantuan Amerika Syarikat Kepada Israel Pada Tahun 2018 dalam USD millions



Sumber: (Portal Rasmi *United States Agency for International Development-USAID*, 2018)

Data di atas menunjukkan jumlah yang besar disalurkan Amerika Syarikat bagi menjaga kepentingan sekutunya Israel di Timur Tengah. Terkini pada tahun 2021, Israel bahkan mendapat bantuan ketenteraan bilateral daripada Amerika Syarikat berjumlah 3.3 *USD billions* sebagaimana laporan peruntukan tahunan yang dikeluarkan oleh *Department of State*, Amerika Syarikat. Bantuan yang disalurkan Amerika Syarikat kepada Israel adalah bagi memastikan tahap kesediaan dan kebolehupayaan pertahanan negara tersebut berbanding negara-negara Arab di Timur Tengah (Portal Rasmi *Congressional Research Service-CRS*, 2021).

Menurut PAS berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar Tahunan tahun 2003, 2006, 2009 dan 2012, kepentingan Israel sentiasa menjadi keutamaan dalam polisi-polisi luar yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat termasuklah serangan misi ketenteraan yang dilaksanakan di Iraq pada tahun 2003.

### *ii. Sumber Minyak*

Timur Tengah merupakan antara kawasan yang dipenuhi dengan sumber galian seperti petroleum dan sebagainya. Masyarakat umum sama ada tempatan mahupun antarabangsa sedia maklum akan hasil bumi khususnya sumber gas petroleum yang terdapat di Iraq. Petroleum menjadi sumber utama bagi menggerakkan kenderaan dan mesin pada hari ini. Kekurangan bekalan minyak mentah berikutan peningkatan permintaan pengguna yang meningkat menyebabkan sebahagian negara mencari alternatif bagi mendapatkannya dengan cara mengimport dari negara-negara luar. Menurut PAS berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar tahun 2003 dan 2004, antara

faktor keterlibatan Amerika Syarikat di Iraq adalah disebabkan kekayaan sumber minyak yang dimiliki negara tersebut.


Perkara ini boleh dikatakan sebagai faktor utama bagi Amerika Syarikat untuk melaksanakan operasi ketenteraan seterusnya terlibat secara langsung di Iraq pada tahun 2003. Andaian ini kemudian dibenarkan oleh mantan Ketua Operasi Ketenteraan Amerika Syarikat di Iraq iaitu Jeneral John Abizaid pada tahun 2007. Abizaid mengesahkan bahawa keterlibatan Amerika Syarikat di Iraq adalah disebabkan sumber minyak yang dimiliki negara tersebut. Memetik kenyataan Abizaid: “*Of course it's about oil, we can't really deny that*”. Alan Greenspan, mantan Penggerusi *Reserve Chairman* Amerika Syarikat turut mengesahkan kenyataan yang dibuat Abizaid dalam memoir yang ditulisnya. Alan menyatakan: “*I am saddened that is inconvenient to acknowledge what everyone knows the Iraq war is largely about oil*” (Lehmann, T., 2019).

Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Chuck Hagel pada tahun 2007 turut senada membenarkan kenyataan Abizaid dan Alan yang menyatakan faktor keterlibatan Amerika Syarikat di Iraq adalah disebabkan keinginan untuk mendapatkan sumber minyak daripada negara tersebut. Memetik kenyataan Hagel: “*People say we're not fighting for oil, of course we are*”. Kenyataan demi kenyataan yang dikeluarkan sendiri oleh ahli-ahli pentadbiran Amerika Syarikat ini menjadi bukti bahawa misi ketenteraan negara tersebut di Iraq sangat berkait rapat dengan kepentingan minyak yang terdapat di sana (Lehmann, T., 2019).

Melalui polisi luar negara, Amerika Syarikat sedaya-upaya mendapatkan sumber minyak yang terdapat di Iraq bagi menampung peningkatan permintaan daripada rakyat negaranya. Sebelum misi ketenteraan Amerika Syarikat pada tahun 2003, industri minyak Iraq kebanyakannya hanya bagi menampung permintaan dalam negara tersebut dan sedikit untuk eksport luar bahkan tidak sama-sekali diberikan hak pengeluaran kepada syarikat-syarikat minyak dari Barat. Perubahan ketara dapat dilihat selepas daripada operasi ketenteraan Amerika Syarikat apabila hasil-hasil minyak Iraq sudah mula dipasarkan kepada firma-firma luar negara terutamanya dari Barat. Mengambil contoh, syarikat Exxon Mobil dan Chevron, sebuah firma besar daripada Barat telah mula memonopoli pengeluaran minyak dari Iraq bahkan menujuhkan stesen-stesen minyaknya di negara tersebut (Lehmann, T., 2019).

Iraq merupakan negara pengeluar dan pengeksport minyak kedua terbesar selepas Arab Saudi di bawah *Organization Petroleum Exporting Countries* (OPEC). Keadaan ini menjadikan Iraq sebagai negara sasaran terbaik operasi ketenteraan bagi memonopoli hasil-hasil minyaknya untuk dieksport ke negara-negara Barat (Duffield, J., 2012). Gambar rajah di bawah merupakan jumlah pengeluaran hasil petroleum dan sumber cecair lain Iraq dari tahun 1990 sehingga tahun 2015.

Rajah 3: Jumlah Pengeluaran Petroleum Iraq dan Sumber Cecair Lainnya. (million barrels per hari)




Sumber: (Portal Rasmi *United States Energy Information Administration-EIA*, 2019)

Daripada gambar rajah di atas, ia jelas menunjukkan jumlah pengeluaran dan eksport petroleum dari Iraq mula bertambah selepas daripada operasi ketenteraan yang dilancarkan Amerika Syarikat pada tahun 2003. Operasi ketenteraan yang berpaksikan kepentingan minyak ini adalah rentetan daripada perdebatan terbuka di Amerika Syarikat pada tahun 1991 mengenai krisis minyak yang meruncing di seluruh dunia. Jika diperhalusi, hampir kebanyakan perang di peringkat antarabangsa bermula pada tahun 1973 adalah berikutan daripada polisi-polisi luar sesuatu negara bertujuan untuk mencari sumber-sumber alternatif bagi menampung kekurangan rizab petroleum di negara masing-masing. (Portal Rasmi *United States Energy Information Administration-EIA*, 2019).

Kejayaan Amerika Syarikat menggulingkan Saddam Hussein dalam operasi ketenteraan yang diadakan pada tahun 2003 menjadikan negara tersebut berpengaruh secara tidak langsung dalam menentukan pengeluaran dan eksport minyak ke negara-negara luar (Yordan, C., 2006). Berikut merupakan gambar rajah bagi jumlah eksport minyak Iraq kepada Amerika Syarikat dari tahun 2006 sehingga tahun 2018:

Faktor-Faktor Penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan:  
Analisis Ucapan Dasar Muktamar PAS 2003-2012

Rajah 4. Jumlah Eksport Minyak Iraq Ke Amerika Syarikat Dari Tahun 2006-2018 (dalam 1000 barrels / per hari)



Sumber: (Portal Rasmi Statista, 2022)

Daripada data-data yang dikemukakan pengkaji di atas, ini membuktikan bahawa dakwaan penglibatan Amerika Syarikat melalui operasi ketenteraan yang dilancarkan pada tahun 2003 adalah disebabkan keinginan negara besar tersebut menguasai pengeluaran sumber minyak negara Iraq. Perkara ini dijelaskan pengkaji melalui data-data yang dibentangkan bahkan turut dikaikan secara nyata dengan kewujudan firma-firma minyak asing di Iraq selepas kejatuhan Saddam Hussein.

### *iii. Memerangi Pengganas*

Faktor lain terkait penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan sebagaimana yang dinyatakan PAS berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar tahun 2003, 2004, 2005, 2006, 2008 dan 2009 adalah bertujuan untuk memerangi pengganas. Serangan pengeboman 11 September 2001 yang dikatakan didalangi oleh Al-Qaeda pimpinan Osama ben Laden telah menyebabkan kemarahan rakyat Amerika Syarikat kepada umat Islam secara umumnya. Pasca pengeboman tersebut, Islam dan penganutnya dilabel sebagai agama yang melahirkan benih-benih serta mendokong pengganas. Kemarahan ini kemudiannya disambut oleh Presiden Amerika Syarikat George Walker Bush, Perdana Menteri Britain Tony Blair dan lain-lain dengan mengisyiharkan perang terhadap pengganas yang menjadi tulang belakang kepada peristiwa pengeboman tersebut (Mearsheimer & Walt, 2007).

Ketika kebanyakan pihak menyangka bahawa Amerika Syarikat dan lain-lain akan memberi tumpuan penuh kepada memerangi Al-Qaeda selepas peristiwa pengeboman 11 September 2001, sebaliknya berlaku apabila pentadbiran Bush memilih untuk menyerang Iraq di bawah pimpinan Saddam Hussein daripada Parti Baath (Mearsheimer & Walt, 2007). Selepas peristiwa

pengeboman tersebut, Amerika Syarikat menjadikan ia sebagai permulaan bagi mengadakan kempen “*War on terror*” bagi memerangi pengganas secara besar-besaran di peringkat antarabangsa. Melalui kempen ini, Amerika Syarikat mengarahkan tumpuananya dengan menjadikan Iraq pimpinan Saddam sebagai sasaran pertama operasi ketenterannya (Rabasa et al., 2004).

Peristiwa pengeboman tersebut memaksa Amerika Syarikat dan negara-negara Barat menilai semula dasar luar masing-masing terkait keselamatan antarabangsa yang melibatkan hubungan dengan dunia Islam. Peristiwa ini juga mendorong Amerika Syarikat mengatur barisan Bush, sembilan hari selepas daripada peristiwa pengeboman tersebut (Angel M. Rabasa et. al 2004, 50). Dalam Ucapan Tahunan Kongres Amerika Syarikat, Bush menegaskan tindakan yang diambil untuk menghantar tentera ke Iraq adalah berdasarkan legitimasi sah bagi memerangi pengganas serta menjatuhkan kepimpinan tirani Saddam (Danju & Maasoglu, 2013).

Saddam turut didakwa memiliki hubungan dengan pengganas antarabangsa khususnya Al-Qaeda pimpinan Osama ben Laden yang terlibat dengan peristiwa pengeboman 11 September 2001. Saddam dikatakan memiliki hubungan yang kuat dengan rangkaian pengganas antarabangsa dan ianya mengundang tindak balas agresif Amerika Syarikat bagi memeranginya dengan tujuan melindungi rakyat-rakyat negara tersebut daripada sebarang serangan baru di masa hadapan (Danju & Maasoglu, 2013).

Selain itu, misi ketenteraan yang dijalankan Amerika Syarikat pada tahun 2003 adalah kerana Washington mendakwa pemimpin Iraq tersebut memiliki *Weapon of Mass Destroyer* (WMD) yang mampu mengganggu keharmonian dunia. (Danju dan Maasoglu, 2013). Kenyataan Bush di Rumah Putih pada tahun 2003:

*“This regime has already used weapons of mass destruction against Iraq’s neighbours and against Iraq people. The regime has a history of reckless aggression in the Middle East. It has a deep hatred of America and our friends and it has aided, trained and harbored terrorists, including operatives of al-Qaeda. The danger is clear using chemical, biological or one day nuclear weapons, obtained with the help of Iraq, the terrorists could fulfill their stated ambitions and kill thousands or hundreds of thousands of innocent people in our country or any other”* (Laman Rasmi *The Guardian*, 2003).

Bush mendakwa Saddam menggunakan WMD dalam berhadapan dengan negara-negara jirannya dan perkara ini menimbulkan keimbangan awam dan ketidakteraman di Timur Tengah. Amerika Syarikat bersama-sama dengan sekutunya mengisyiharkan perang ke atas Iraq secara unilateral walaupun tanpa keizinan dan sokongan daripada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Security Council*-

UNSC) Berbeza dengan Afghanistan, UNSC tidak pernah memberi keizinan kepada Amerika Syarikat untuk memerangi Saddam di Iraq. Tindakan yang diambil Amerika Syarikat dan sekutunya itu jelas melanggar prinsip serta garisan Undang-Undang Antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Portal Rasmi Parlimen Malaysia, 2003).

Dakwaan Saddam memiliki WMD hanyalah retorik Bush yang sentiasa diulang-ulang bagi mempertahankan tindakan unilateral terhadap Iraq. Perkara ini turut dinafikan oleh Ari Fleischer, mantan Setiausaha Akhbar Bush pada 19 Mac 2019. Kenyataan Fleischer: “*The Iraq war began sixteen years ago tomorrow. There is a myth about the war that I have been meaning to set straight for years. After no WMDs were found, the left claimed Bush lie*” (Kessler, G., 2019). John Nixon, mantan Penganalisis Agensi Penyiasat Antarabangsa (CIA) senada dalam menolak dakwaan Bush tersebut. Menurut Nixon, Rumah Putih gagal membuktikan dakwaan mereka bahawa Iraq memiliki senjata tersebut walaupun selepas Saddam berjaya ditangkap oleh tentera Amerika Syarikat pada Disember 2003 (Laman Rasmii BBC News, 2017).

Dakwaan bahawa Saddam memiliki rangkaian dengan kumpulan pengganas Al-Qaeda pimpinan Osama ben Laden yang menjadi dalang serangan pengeboman 11 September 2001 juga tidak dapat dibuktikan dengan jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Cooper dan Catchpowle. Memetik kenyataan mereka: “*However after the war, many things turned out to be very different from what was purported before it. There was no weapons of mass destruction and no clear link between Al-Qaeda and Iraq*” (Cooper & Catchpowle, 2009). Kesimpulannya, alasan yang dibawa Amerika Syarikat terkait serangan ketenteraan ke atas Iraq bagi memerangi kumpulan pengganas hanyalah retorik semata-mata kerana tiada sebarang bukti yang mampu mendokong dakwaan tersebut.

Manakala di Afghanistan, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Security Council*-UNSC) mula meletakkan beban ke atas Taliban di Afghanistan sebagai pihak yang perlu bertanggungjawab kepada peristiwa pengeboman 11 September 2001 oleh Al-Qaeda pimpinan Osama. Washington mendapat legitimasi antarabangsa melalui UNSC untuk melancarkan kempen memerangi Taliban di Afghanistan selepas daripada peristiwa pengeboman tersebut berdasarkan Resolusi 1373 (2001) (Portal Rasmi *United Nations Security Council*-UNSC, 2001).

Osama merupakan pemimpin kumpulan Al-Qaeda kelahiran Arab Saudi didakwa sebagai dalang di sebalik serangan pengeboman tersebut dan beliau dikatakan berada di Afghanistan dengan bantuan serta perlindungan Taliban. Pasca pengeboman, Amerika Syarikat pernah memohon kepada Taliban untuk menyerahkan Osama untuk diadili kerana menjadi dalang kepada pengeboman tersebut. Namun begitu, Taliban menolak permintaan

untuk menyerahkan Osama dan ini memaksa Amerika Syarikat memulakan operasi ketenteraan di Afghanistan pada 7 Oktober 2001 (Farrell & Giustozzi 2013).


Dengan bantuan kerajaan Britain pimpinan Tony Blair dan lain-lain. Amerika Syarikat mula menjalankan operasi ketenteraan di Afghanistan secara besar-besaran untuk menahan pemimpin Al-Qaeda iaitu Osama yang dilindungi Taliban di negara tersebut. Penglibatan Amerika Syarikat di Afghanistan juga hasil undangan pemimpin negara tersebut sendiri iaitu Hamid Karzai yang bercita-cita untuk membina semula struktur kenegaraan Afghanistan selain menghapuskan kumpulan-kumpulan penganas di sana. Perkara ini diakui oleh Theo Farrel dan Antonio Giustozzi dalam tulisan mereka:

*“In December 2001 Hamid Karzai had been appointed the interim Afghan president by a loya jirga (grand council), and in January 2002 the international community had agreed to provide extensive assistance to stabilize and rebuild the Afghan state. By mid-2002, US and British task forces were chasing the last remnants of the Taliban out of the country and hunting down Al-Qaeda terrorists.2 A decade later, Karzai is still in power and Afghanistan has received massive international developmental and security assistance.”* (Farrell & Giustozzi, 2013).

Undangan Karzai kepada Amerika Syarikat dan Britain bagi membantu membina selain mengekalkan kestabilan negara tersebut daripada kumpulan penganas membolehkan Afghanistan menerima bantuan antarabangsa yang cukup besar dalam aspek pembangunan dan keselamatan. Operasi memerangi penganas ini dinamakan sebagai *The Afghanistan Peace and Reconciliation* (APRP) yang diketuai oleh Amerika Syarikat melalui pakatan tentera *North Atlantic Treaty Organization* (NATO). Pakatan tentera NATO ini turut mendapat kerjasama daripada Anggota Keselamatan Kebangsaan Afghanistan atau *Afghan National Security Forces* (ANSF). Operasi ketenteraan yang dijalankan ini adalah berdasarkan perjanjian keselamatan *Bilateral Security Agreement* (BSA) yang ditandatangani oleh Afghanistan pimpinan Karzai dan Amerika Syarikat (Kousary, H., 2014).

Operasi ketenteraan ini dijalankan di beberapa daerah Afghanistan yang ditanda sebagai kem-kem bagi penganas Taliban. Peta di bawah menunjukkan penguasaan Taliban di beberapa daerah Afghanistan sehingga Jun 2019:

Rajah 3: Kawasan Penguasaan Taliban



Sumber: (Portal Rasmi *Foundation for Defense Democracies*-FDD, 2021)

Selain beberapa faktor di atas yang telah dinyatakan pengkaji terkait penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan berdasarkan perspektif PAS, memerangi pengganas antara salah satu daripada faktor penglibatan tersebut. Kempen memerangi pengganas yang dilancarkan Amerika Syarikat pasca peristiwa pengeboman 11 September 2001 memaksa Iraq dan Afghanistan masuk ke kancang perperangan yang menyebabkan kepada beberapa implikasi seperti kemusnahan tanam-tanaman, haiwan ternakan, kehilangan tempat tinggal dan lain-lain. Untuk rekod, penduduk Iraq yang kehilangan tempat tinggal akibat daripada operasi ketenteraan Amerika Syarikat adalah sebanyak 9.2 juta orang dan di Afghanistan sebanyak 5.3 juta orang. Selain itu, angka korban akibat daripada operasi ketenteraan tersebut juga tinggi di kedua-dua negara. Sebagai catatan, sekitar 178,965 orang awam telah terbunuh di Iraq akibat daripada operasi ketenteraan daripada tahun 2003 hingga tahun 2020 dan jumlah ini tidak termasuk angka-angka kematian yang tidak dicatatkan (Portal Rasmi *Statista*, 2021).

## 5. Analisis Perbandingan

Hasil analisis yang dilakukan kepada teks-teks ucapan dasar Muktamar Tahunan PAS dari tahun 2003 sehingga tahun 2012, pengkaji mendapati sekurang-kurangnya terdapat empat faktor yang menyebabkan campur tangan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan iaitu imperialism, kepentingan Israel, sumber minyak dan memerangi pengganas. Bagi tema imperialism yang diketengahkan PAS, ianya adalah sebagaimana kajian oleh Yordan, C. L. (2006), Cooper, C. (2009) dan Catchpole, L. (2009). Ketiga-tiga sarjana ini membawakan tema yang sama iaitu imperialism menjadi faktor

penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan sebagaimana PAS melalui Ucapan Dasar Muktamar tahunannya.

Bagi tema kepentingan Israel, PAS hanya mengulangi idea yang dibawa oleh Mekay, E. (2004), Meir, A. B. (2008) dan beberapa lagi sarjana lain. Bagi sumber minyak sebagai faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan pula, idea PAS ini adalah sebagaimana kajian oleh Sullivan, D., (2007), Gholz, E., (2010) dan Press, D., (2010). Kesemua sarjana yang diyatakan ini juga membawakan tema kepentingan sumber minyak sebagai salah satu faktor pencerobohan di Iraq.

Seterusnya tema memerangi pengganas sebagai faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan dibawa PAS adalah sebagaimana kajian oleh Rashid, A. (1999), Rabasa, A. M. (2004) dan Elden S. & Williams A. (2009). Keempat-empat faktor atau tema yang dibawakan PAS ini sebagai faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan ini mempunyai asas bagi kajian-kajian akademik seperti mana kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana yang dinyatakan.

Selain daripada empat faktor di atas, terdapat beberapa lagi faktor yang dinyatakan PAS terkait penglibatan negara kuasa besar tersebut di Iraq dan Afghanistan. Mengambil contoh, sentimen agama turut diselitkan PAS kerana ia membabitkan konflik di negara pimpinan umat Islam yang ditanda dengan Iraq dan Afghanistan. Dalam beberapa siri Ucapan Dasar Muktamar, PAS mengangkat tema kebencian Barat terhadap Islam sebagai salah satu faktor yang membawa kepada operasi ketenteraan oleh Amerika Syarikat di kedua-dua negara tersebut.

Walaupun kajian ini tidak memasukkan kebencian terhadap umat Islam sebagai salah satu faktor, namun idea ini melatari gagasan pemikiran dan penulisan-penulisan PAS dalam menghuraikan faktor-faktor operasi ketenteraan di Iraq dan Afghanistan. Jadual di bawah merupakan analisis kekerapan pengulangan terkait faktor-faktor penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan berdasarkan ucapan dasar Muktamar Tahunan PAS dari tahun 2003 sehingga tahun 2012:

Jadual 1: Bilangan Kekerapan Pengulangan Faktor-Faktor Penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan

Jenis Faktor	Bilangan Kekerapan Pengulangan	Tahun Kekerapan Pengulangan
Memerangi Pengganas	6	2003,2004,2005,2006,2008,2009
Sumber Minyak	2	2003,2004
Imperialisme	2	2003,2004
Kepentingan Israel	4	2003,2006,2009,2012
Jumlah	14	

Sumber: (Portal Rasmi Parti Islam Se-Malaysia-PAS, 2020)

Memerangi pengganas menjadi faktor yang sering diulang-ulang PAS sebanyak enam kali terkait penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan dan diikuti dengan faktor kepentingan Israel sebanyak empat kali. Sumber minyak dan dasar imperialisme menjadi faktor ketiga dan keempat yang masing-masing adalah sebanyak dua kali pengulangan oleh PAS dalam ucapan dasar Muktamar Tahunan dari tahun 2003 hingga tahun 2012.

Analisis mendapati faktor utama penglibatan Amerika Syarikat berdasarkan kekerapan pengulangan dalam ucapan dasar Muktamar Tahunan PAS sehingga menyebabkan tercetusnya perperangan di kedua-dua negara iaitu Iraq dan Afghanistan adalah bertujuan untuk memerangi keganasan. Faktor menjaga kepentingan Israel menduduki tempat kedua peratusan tertinggi kemudian disusuli faktor imperialisme dan faktor sumber minyak yang masing-masing di tempat ketiga dan keempat.

## 5. Kesimpulan

PAS berdasarkan Ucapan Dasar Muktamar Tahunan dari 2003 hingga tahun 2012 menyatakan terdapat dua faktor utama bagi penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan iaitu imperialisme dan beberapa kepentingan polisi luar merangkumi kepentingan Israel, sumber minyak dan memerangi pengganas. Berdasarkan perbandingan yang dilakukan pengkaji dengan cara mendatangkan pandangan-pandangan sarjana lain serta beberapa kenyataan mantan-mantan pemimpin Amerika Syarikat, pengkaji mengambil pendirian serta pendekatan menyokong faktor-faktor yang diketengahkan PAS sebagai faktor pencerobohan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan. Faktor-faktor yang diketengahkan PAS tersebut mempunyai asas sebagaimana data-data yang dikemukakan dan ianya tidak bersifat sentimen semata-mata. Mengambil contoh terkait data pengeluaran minyak selepas mencerobohan di Iraq sebagaimana dipaparkan di gambar rajah 3, unjurran pengeluaran minyak Iraq meningkat selepas daripada pencerobohan Amerika Syarikat tahun 2003. Ini membentarkan dakwaan PAS bahawa kepentingan sumber minyak menjadi salah satu faktor penglibatan Amerika Syarikat di negara tersebut.

## Rujukan

- Benjamin, S. (2015). *The Impossible Jew: Identity and the Reconstruction of Jewish American Literary History*. New York: New York Univ. Press.
- Caruso, R. & Schneider, F. (2013). Brutality of Jihadist Terrorism: A Contest Theory Perspective and Empirical Evidence in the Period 2002-2010. *Journal of Policy Modelling*, Elsevier, 35(5), 685-696.

- Colgan, Jeff. D. (2013). *Petro-Aggression: When Oil Causes War*, New York: Cambridge University Press.
- Cooper, C. & Catchpole, L. (2009). U.S. Imperialism in Action: An Audit-Based Appraisal of the Coalition Provisional Authority in Iraq, *Critical Perspectives on Accounting*, 1(20), 716-734.
- Cronin, A. K. (2012). U.S. Grand Strategy and Counterterrorism. *Orbis*, 56(2), 192-214.
- Danju, I. & Maasoglu, Y. (2013). The Reasons Behind U.S. Invasion of Iraq. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 81, 682-690.
- Duffield, J. S. (2007). *Over a Barrel: The Costs of U.S. Foreign Oil Dependence*. California: Stanford University Press.
- Duffield, J. S. (2012). Oil and the Decision to Invade Iraq. *Middle East Review of International Affairs*, 9(2), 109-141.
- Elden, S. & Williams, A. J. (2009). The Territorial Integrity of Iraq, 2003 to 2007: Invocation, Violation and Viability. *Geoforum*, 3(40), 407-417.
- Farrell, T. & Giustozzi, A. (2013). The Taliban at war: inside the Helmand insurgency, 2004-2012. *Royal Institute of International Affairs 1944*, 4(89), 845-871.
- Foxley, T. (2010). Countering Taliban Information Operations in Afghanistan. *Prism Institute for National Strategic Security*, 4, 79-94.
- Gholz, E. & Press, D. G. (2010). Protecting the Prize: Oil and the U.S. National Interest. *Security Studies*, 1(19), 453-485.
- Glaser & Charles. (2013). How Oil Influences U.S. National Security. *International Security Journal*, 38(2) 112-146.
- Husslage, B. & Born, P. (2015). Ranking Terrorists in Networks: A Sensitivity Analysing of Al Qaeda's 9/11 Attack. *Social Networks*, 1(42), 1-7.
- Kessler, G. (22 Mac 2019). The Iraq War and WMDs: An Intelligence Failure or White House Spin?. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.washingtonpost.com/politics/2019/03/22/iraq-war-wmds-an-intelligence-failure-or-white-house-spin/>
- Kousary, H. (2014). Afghanistan After 2014 Election: US As Strategic Partner?. RSIS Commentary, No. 162, Nanyang Technological University. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2014/08/CO14162.pdf>
- Kraidi, L. (2019). Analyzing the Critical Risk Factors Associated with Oil and Gas Pipeline Projects in Iraq. *International Journal of Critical Infrastructure Protection*, 24, 14-22.
- Laman Rasmi BBC News (2017). Iraq War: Gordon brown Says UK Mislead Over WMDs. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.bbc.com/news/uk-41872701>
- Laman Rasmi Economic and Political Weekly (2009). Tackling the Taliban, Economic and Political. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.epw.in/journal/2009/20/editorials/tackling-taliban.html>
- Laman Rasmi The Guardian. (2003). A Transcript of George Bush's War Ultimatum Speech From he Cross Hall in the White House. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.theguardian.com/world/2003/mar/18/usa.iraq>
- Lehmann, T. C. (2019). Honourable Spoils: The Iraq war and the American Hegemonic System's Eternal and Perpetual Interest in Oil. *The Extractive Industries and Society*, 6(2), 428-442.
- Mansur, A. A. Ter. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid. (1994). Malaysia: *Islam Dalam Perhubungan Antarabangsa*. Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- McGlinchey, S. (2009). Neoconservatism and American Foreign Policy. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.e-ir.info/2009/06/01/neo-conservatism-and-american-foreign-policy/>
- McIntosh, C. (2014). Ending the War with Al-Qaeda. *Orbis*, 58(1), 104-118.
- McMeekin, S. (2012). *The Berlin-Baghdad Express*. United States: Belknap Press.

Faktor-Faktor Penglibatan Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan:  
Analisis Ucapan Dasar Muktamar PAS 2003-2012

- Mearsheimer, J. J. & Walt, S. M. (2008). *The Israel Lobby and U.S. Foreign Policy*. London: Farrar Straus and Giroux Publisher.
- Meir, A. B. (2008). Reconciling the Arab Initiative with Israel's Core Requirements for Peace. *International Journal on War Peace*, 4(1), 75-113.
- Mekay, E. (2004). Iraq: War Launched to Protect Israel- Bush Adviser, Dipetik pada 25 April 2022 dari: <http://www.ipsnews.net/2004/03/iraq-war-launched-to-protect-israel-bush-adviser/>
- Owens. M. T. (2009). The Bush Doctrine: The Foreign Policy of Republican Empire. *Orbis*, 53(1), 23-40.
- Portal Rasmi *Congressional Research Service-CRS* (2021). U.S. Foreign Assistance to the Middle East: Historical Background, Recent Trends and the FY2022 Request (R4634). Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/R/R46344>
- Portal Rasmi *Fundation for Defence Democracy-FDD* (2021). *Afghanistan: Who Control What?*. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.fdd.org/projects/long-war-journal/>
- Portal Rasmi Parlimen Malaysia (2003). Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri: Mengcam Serangan Amerika ke atas Iraq. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-24032003.pdf>
- Portal Rasmi Parti Islam Se-Malaysia-PAS (2020). Ucapan Dasar / Ucaptama Muktamar Tahunan PAS 2003-2012. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://muktamar.pas.org.my/category/ucapan-dasarucaptama/#>
- Portal Rasmi *Statista* (2021). Number of Documented Civilian Deaths in the Iraq War From 2003 to May 2021. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://statista.com/statistics/269729/documenting-civilian-deaths-in-iraq-war-since-2003/>
- Portal Rasmi *Statista* (2022). Petroleum Imports from Iraq to the United States from 2000 to 2021. Dipetik pada 24 April 2022 dari: <https://www.statista.com/statistics/191210/petroleum-imports-into-the-us-from-iraq-since-2000/>
- Portal Rasmi *United States Agency for International Development-USAID* (2018). U.S. Overseas Loans and Grants (Greenbook) FY2018: Obligations and Loan Authorization. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.usaid.gov/open/greenbook/2018>
- Portal Rasmi United States Energy Information Administration-EIA (2019). *International Energy Outlook 2019*. Dipetik pada 25 April 2022 dari: <https://www.iea.org/reports/world-energy-outlook-2019>
- Rabasa, A. M. (2004). *The Muslim World After 9/11*. Rand Publication.
- Rashid, A. (1999). The Taliban: Exporting Extremism. *Foreign Affairs Journal by Council on Foreign Relations*, 78 (6), 22-35.
- Serra, J. (2007). Batman Versus Al-Qaeda. *Futures*, 39(6), 645-772.
- Sullivan, D. P. (2007). Tinder, Spark, Oxygen and Fuel: The Mysterious Rise of the Taliban. *Journal of Peace Research*, 2(44), 93-108.
- Suwardi, S. S. (2002). Peristiwa 11 September 2001 Dan Penyerangan Amerika Serikat di Afghanistan Ditinjau Dari Segi Hukum Internasional, *Jurnal Hukum dan Pembangunan*, 1(32).
- Tichy, L. (2019). Energy infrastructure as a target of terrorist attacks from the Islamic state in Iraq and Syria. *International Journal of Critical Infrastructure Protection*, 25, 1-13.
- Yordan, C. L. (2006). America' Quest for Global Hegemony: Offensive Realism, Bush Doctrine and the 2003 Iraq War, *Journal of Social and Political Theory*, 1(110), 125-157.